

# RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan ("Syarikat") yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang Kad Kredit-i anda.

Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

## 1 APAKAH ITU KAD KREDIT-i PERNIAGAAN

**Kad Kredit-i Perniagaan** ("Kad") adalah instrumen pembayaran yang membolehkan pembayaran bagi barangan dan / atau perkhidmatan yang dibuat di cawangan perniagaan dan perkhidmatan menggunakan Kad Kredit-i Perniagaan yang akan ditolak secara langsung dari had Kad milik Syarikat. Kad Kredit-i Perniagaan ini boleh digunakan untuk membuat pembayaran untuk perbelanjaan berkaitan perniagaan, perjalanan & hiburan serta pembelian barangan & perkhidmatan.

Produk ini distrukturkan di bawah konsep Tawarruq dan menggunakan gabungan kontrak Syariah termasuk Murabahah, Wakalah dan digabungkan dengan janji yang mengikat di bawah konsep Wa'd Mulzim.

Di bawah kontrak Wakalah, Syarikat melantik Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank") sebagai ejen dua hala untuk melaksanakan pembelian dan penjualan Komoditi patuh Syariah ("Komoditi") bagi pihak Syarikat pada masa yang ditetapkan. Syarikat akan membeli Komoditi (melalui Bank sebagai ejen) daripada pembekal pada Harga Belian, dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada Bank pada Harga Jualan secara Murabahah (kos tambah keuntungan). Harga Jualan ini akan dibayar oleh Bank kepada Syarikat secara tertangguh.

Bank kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai, dan hasil jualan tunai tersebut akan dianggap sebagai pembiayaan (had kredit) yang disediakan kepada Syarikat di bawah kemudahan Kad Kredit-i Perniagaan. Transaksi Tawarruq ini hendaklah disempurnakan sebelum amaun pembiayaan disediakan.

Syarikat juga berhak untuk mengambil pemilikan dan penghantaran Komoditi yang dibeli sekiranya membuat permintaan secara bertulis kepada Bank sebelum penjualan kepada pihak ketiga dibuat. Semua kos berkaitan penghantaran dan pemindahan pemilikan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat. Sekiranya Syarikat mengambil komoditi tersebut, Syarikat tidak akan menerima jumlah pembiayaan/kredit kad.

## 2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

**Bayaran bulanan minimum:**

- Minimum bayaran bulanan adalah 5% daripada baki penyata tambah jumlah ansuran tetap, atau RM 50, mana-mana yang lebih tinggi. Pelan Pemindahan Baki tersedia untuk produk ini. Pelanggan boleh merujuk kepada PDS plan pembayaran yang berkenaan untuk maklumat lanjut.
- Sebarang pembayaran minimum yang tertunggak daripada penyata terdahulu.
- Pembayaran boleh dibuat melalui:
  - Pindahan atas talian dari Akaun Syarikat
  - Perbankan Mudah Alih (MOB) (boleh didapati di bawah pilihan Kad Kredit BMMB Pihak Ketiga)
- Tempoh tangguh: Syarikat diberi tempoh bebas keuntungan selama 25 + 4 hari tempoh tangguh untuk transaksi pembelian dan perbelanjaan, dengan syarat baki tertunggak bulan sebelumnya telah diselesaikan sepenuhnya. Tempoh tangguh bermula dari tarikh transaksi dilakukan. Sebarang amaun yang diselesaikan dalam tempoh tangguh tertakluk kepada rebat (Ibra') penuh oleh Bank.
- Syarikat akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi yang ditanggung oleh Syarikat, jika ada.

**Anda bertanggungjawab untuk:**



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Buat bayaran sekurang-kurangnya jumlah bayaran bulanan minimum sebelum atau pada tarikh tamat tempoh.



**Segera hubungi kami** dengan segera sekiranya kad anda hilang, dicuri, transaksi yang tidak sah terjadi

Fi & Caj	Amaun
Fi Tahunan	<b>Visa Platinum Perniagaan/ CGC Visa Platinum Perniagaan</b> Prinsipal - <b>RM 138</b> setiap Kad [Yuran Tahunan pertama Visa Infinite DIKECUALIKAN.] <b>Visa Infinite Perniagaan**:</b> Prinsipal - <b>RM 338</b> setiap Kad [Yuran Tahunan pertama Visa Platinum DIKECUALIKAN. Untuk tahun seterusnya, ianya dikecualikan tertakluk kepada minimum perbelanjaan minimum RM 80,000 dalam setahun.]
Penggantian Kad Hilang	<b>RM 50</b> setiap Kad (untuk kerugian akibat kecauaian Syarikat)
Caj Ganti Rugi Pembayaran Lewat (Ta'widh)	Ta'widh: (Caj Ganti rugi): Sekiranya anda tidak memenuhi bayaran bulanan minimum yang perlu dibayar pada tarikh matang pembayaran, anda akan dikenakan 1% daripada baki tunggakan (merangkumi perbelanjaan runcit dan pengeluaran tunai sahaja), tertakluk kepada had maksimum RM 100. Caj Ta'widh tidak akan dikompaunkan atau ditambah kepada caj amaun tunggakan yang tertunggak untuk pengiraan caj keuntungan.
Permintaan Dapatan Semula Draf Jualan	<b>RM 12.96*</b> setiap salinan bagi setiap transaksi
Permintaan Penyata Fizikal	<b>RM 2.16*</b> bagi setiap penyata fizikal bulanan
Penukaran Transaksi Luar Negara	Kadar pertukaran akan berdasarkan penentuan Visa semasa waktu penukaran. Kadar pertukaran mungkin berbeza dari kadar yang berlaku pada tarikh urusan disebabkan oleh turun naik pasaran. Bayaran perkhidmatan 1% dikenakan daripada jumlah yang ditukar.
Caj Lebih Had	Tidak Berkenaan
Cukai Perkhidmatan	<b>RM 25.00</b> untuk setiap Kad Utama. Cukai Perkhidmatan akan dikenakan pada tarikh Kad diaktifkan dan pada tarikh ulang tahun pengeluaran Kad pada tahun berikutnya.

• Sila rujuk laman sesawang kami di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

• \*Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

• \*\*Fi Tahunan ini tidak akan dikenakan kepada Syarikat Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS).

# RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Caj berikut dikenakan di bawah konsep Tawarruq.

Caj Keuntungan Sebenar		
Urus Niaga	Kadar Tahunan	Syarat-syarat
Pembelian	15%	Syarikat yang menyelesaikan pembayaran minimum yang terhutang secara segera untuk dua belas (12) bulan berturut-turut
	17%	Syarikat yang menyelesaikan pembayaran minimum yang terhutang secara segera untuk sepuluh (10) bulan atau lebih dalam tempoh kitaran dua belas (12) bulan.
	18%	Syarikat yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

**Nota:** Caj keuntungan sebenar ditanggung berdasarkan nilai sebenar penggunaan Kad. Untuk menikmati kadar keuntungan yang lebih rendah, untuk transaksi runcit, Syarikat digalakkan untuk membuat sekurang-kurangnya sepuluh (10) bayaran secara segera dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lepas.

### Penyelesaian Awal (Ibra' / Rebat)

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-

- Pihak Bank perlu memberi Ibra' atau Rebat bagi penyelesaian awal pembiayaan kepada Syarikat.
- Pihak Bank perlu memberi Ibra' atau Rebat ke atas keuntungan daripada amaun Kemudahan yang masih belum digunakan.
- Pihak Bank perlu memberi Rebat jika ada perubahan antara Caj Keuntungan Bumbung dan jumlah ansuran bulanan / Caj Keuntungan Sebenar yang boleh dibayar pada akhir tempoh pembiayaan (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- Sebarang Rebat yang diberikan oleh Bank adalah muktamad dan mengikat.

**Nota:** Perkara (a), (b), dan (d) terpakai untuk kedua-dua Kemudahan kadar tetap dan terapung, manakala perkara (c) hanya terpakai untuk Kemudahan kadar terapung, dengan syarat tiada kejadian default berlaku.

## 3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang akan berlaku sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Syarikat perlu membayar lebih secara keseluruhan disebabkan oleh caj lewat bayar (i.e 1% daripada baki tunggakan - merangkumi perbelanjaan runcit dan tunai sahaja, tertakluk kepada had maksimum RM100)
- Kegagalan membuat pembayaran boleh menjejaskan penarafan kredit anda.
- Bank berhak untuk menolak-selesai sebarang baki tertunggak daripada baki akaun Syarikat yang lain yang dikendalikan oleh Bank, dengan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.
- Menggunakan Kad Kredit-i untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang atau bertentangan dengan Syariah adalah dilarang dan boleh menyebabkan penggantungan dan pembatalan Kad anda.
- Sekiranya Syarikat hanya membuat pembayaran bulanan minimum, Syarikat akan dikenakan lebih banyak caj keuntungan dan masa yang diambil untuk menyelesaikan baki hutang Syarikat akan meningkat.
- Sekiranya Syarikat menggunakan Kad Kredit-i Perniagaan untuk membayar pembiayaan lain, ia boleh meningkatkan kos Syarikat.

## 4 TERMA UTAMA LAIN

- Anda mungkin bertanggungjawab terhadap transaksi yang tidak dibenarkan sekiranya anda:
  - bertindak secara penipuan;
  - enggan memberikan kerjasama kepada pengeluar dalam proses siasatan; atau
  - gagal melaksanakan kewajipan yang telah dimaklumkan oleh pengeluar.
- Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit-i anda, Bank berhak untuk menamatkan Kad anda.
- Untuk mengurangkan risiko transaksi tidak dibenarkan, sila pastikan keselamatan Kad dan PIN anda pada setiap masa. Jangan mendedahkan butiran Kad atau PIN kepada sesiapa, dan jangan mencatat PIN pada atau berhampiran Kad. Elakkan memilih PIN yang mudah dikenali, dan jangan benarkan sesiapa menggunakan Kad anda. Semak penyata anda dengan kerap dan laporkan sebarang percanggahan kepada Bank dengan segera.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Kad Kredit Perniagaan Visa Platinum-i/Infinite-i anda, anda boleh:



Hubungi kami di:  
03-26005500



Layari kami di:  
[Kad Kredit Perniagaan Visa Platinum-i](#)  
[Kad Kredit Perniagaan Visa Infinite-i](#)



E-mel kami melalui:  
[feedback@muamalat.com.my](mailto:feedback@muamalat.com.my)

### Perakuan Syarikat

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Kami mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- Kami telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

*\*Perakuan Syarikat ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:  
Tarikh:

**NOTA PENTING:**  
**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP SYARIKAT SEKIRANYA SYARIKAT TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN KE ATAS KAD KREDIT-i PERNIAGAAN (TAWARRUQ) SYARIKAT.**